

Sumber : Utusan Malaysia  
Tarikh : 4 Februari 2011  
Mukasurat : 20

## Banjir: Bank di Segamat, Labis dibuka

KUALA LUMPUR 3 Feb. — Persatuan Bank-bank Malaysia (ABM) hari ini memaklumkan bahawa kebanyakan bank yang beroperasi di Labis dan Segamat, Johor telah dibuka semula tetapi belum boleh beroperasi sepenuhnya akibat banjir.

ABM dalam kenyataannya di sini berkata, para pelanggan yang ingin membuat sebarang urusan dinasihatkan mengunjungi cawangan-cawangan sama ada di Air Itam Batu Pahat atau Yong Peng, sebagai pilihan lain.

“ABM sedang memantau keadaan banjir itu secara dekat dan berharap kesemua bank terlibat dapat beroperasi semula secepat mungkin,” kata ABM.

Persatuan itu berkata, para pelanggan yang berurusan dengan bank-bank terlibat diharap mendapatkan maklumat terkini dengan menghubungi talian bebas tol ABM, ABMConnect 1-300-88-9980 yang dibuka dari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum dari pukul 9 pagi hingga 5.30 petang.

Selain itu, Affin Bank Bhd. boleh dihubungi di talian 03-55223000, Alliance Bank Malaysia Bhd., (03-55169988), AmBank (M) Bhd. (1-300-80-8888), CIMB Bank Bhd. (1-300-88-0900), EON Bank Bhd. (03-26161133), Hong Leong Bank Bhd. (03-76268899), Malayan Banking Bhd. (1-300-88-6688), OCBC Bank (Malaysia) Bhd. (1-300-88-5000), Public Bank Bhd. (1-800-88-3318) dan RHB Bank Bhd. (1-800-88-4663).

Berikutan, cuti umum Tahun Baru Cina, orang ramai dinasihatkan cuba menghubungi nombor-nombor di atas bagi mendapatkan keterangan lanjut.

Source : Sin Chew Daily  
Date : 3 February 2011  
Page : 07, National News

## 昔加末拉美士 大部分銀行正常運作

(吉隆坡2日讯) 大马银行公会表示, 在柔佛昔加末及拉美士的大部分银行已开始正常运作。

该公会在文告中说, 不过, 一些分行因水灾情况而未能全面运作。

“公众受促到阿依淡、峇株巴辖或永平的地区办理银行事务。”

该公会表示, 公众也可在星期一到星期五(除了公假), 早上9时至傍晚5时30分, 通过电话1-300-88-9980了解最新情况。